



مجلس باندرای ملاک برسجاره

MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH BANDARAYA WARISAN DUNIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan masih dibenarkan membuat sebutharga pada masa ini dan **tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan** semasa tarikh tutup sebutharga bagi kerja-kerja berkaitan:-

BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TEMPAT DAN TARIKH SEBUT HARGA DITUTUP	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	HARGA DOKUMEN SEBUT HARGA
MBMB/SH/2022/43 KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI RUMAH AWAM BUKIT RAMBAI 2, BUKIT RAMBAI, MELAKA Tarikh Kelulusan 5/4/2022 MBMB/JK/00001/902 (J)	Gred G1 (Daerah Melaka Tengah) Kategori CE Pengkhususan CE01	Melalui : Kaunter Utama Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka. ----- Melalui : Emel eperolehan@mbmb.gov.my	Serahan tangan : Peti Tawaran Berhadapan Papan Notis Dewan Taming Sari, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka. ----- Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.	TIADA *(Penyebut harga diminta melihat sendiri keadaan tapak bagi proses mengisi harga dan segalanya adalah atas tanggung jawab sendiri)	RM20.00 (Naskah) ----- Percuma (Softcopy)

Naskah sebut harga boleh disemak di **Kaunter Utama Jabatan Kewangan Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak - Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka** pada waktu pejabat bermula **5 April 2022**. Bayaran Dokumen Sebut harga hendaklah di buat dalam bentuk **Tunai, Draf Bank atau Cek** di atas nama **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah** (bayaran ini tidak akan dikembalikan).

Kontraktor dikehendaki membawa salinan asal **Kad Pengenalan, cop syarikat, Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta satu salinan bagi setiap sijil di atas semasa membeli dokumen sebut harga. **Bagi yang menghantar wakil hendaklah membawa surat wakil yang asal.** Dokumen sebut harga juga boleh didapatkan secara percuma dengan menghantar emel bertajuk butir-butir sebut harga berkaitan serta memuatnaik salinan **Kad Pengenalan, Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) melalui emel eperolehan@mbmb.gov.my. Pihak tuan boleh melayari laman web MBMB di www.mbmb.gov.my untuk melihat kenyataan sebut harga ini.

Dokumen sebut harga yang telah lengkap hendaklah dihantar secara serahan tangan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat :-

**MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH,
Peti Tawaran
Berhadapan Papan Notis Dewan Taming Sari,
Graha Makmur, No. 1,
Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh,
Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.**

Jika sebut harga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebut harga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,

DATUK BANDAR

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

sk : Datuk Bandar
Setiausaha Bandaraya
PK
Ketua Audit Dalam
Papan-Papan Kenyataan MBMB